

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENGHARGAAN PESARA 2017  
DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016  
21 MAC 2017, DEWAN MILENIUM, KEPALA BATAS**

---

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,  
Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Pesara-pesara dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Wakil-wakil Media, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana di pagi yang mulia ini kita semua diberi kesempatan untuk bertemu dan berhimpun di Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2017 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 di Dewan Milenium, Kepala Batas ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis ini.

Majlis yang penuh bermakna ini adalah untuk meraikan pesara dan bakal pesara bagi tahun 2017 dan juga bagi meraikan warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah menunjukkan prestasi dan perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2016. Tahniah saya ucapkan kepada pihak urusetia kerana berjaya mengadakan Majlis ini. Sebagai makluman semua, mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang selewat-lewatnya pada bulan Mac adalah salah satu kriteria Pihak Berkuasa Tempatan 5 Bintang. Pada tahun lepas MPSP telah berjaya mendapat Anugerah Khas Menteri untuk PBT yang cemerlang. Selain itu, MPSP juga telah berjaya tersenarai antara lapan (8) PBT yang terbaik dalam kategori Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016 dan telah mendapat insentif RM100,000.00 dari

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

YB dan para hadirin sekalian,

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan seramai 84 orang pesara yang terdiri daripada 48 orang pesara wajib, 23 orang pesara pilihan sendiri serta mengingati perkhidmatan 13 orang kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Pesara dan juga waris kepada pesara akan menerima sebuah jam tangan sebagai cenderamata dan juga sijil penghargaan di atas perkhidmatan mereka selama bertugas di MPSP. Majlis ini juga adalah untuk menghargai seramai 221 orang pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai iaitu Kumpulan Pengurusan dan Professional seramai 6 orang, Kumpulan Sokongan 1 dan 2 seramai 95 orang dan Pemandu dan Pembantu Awam seramai 120 orang dari pelbagai jabatan telah dipilih mengikut kriteria-kriteria tertentu untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk tahun 2016.

Kakitangan yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah berdasarkan kriteria umum

seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13

Tahun 2012 :-

- (i) Terdiri dalam semua kumpulan, gred dan kategori yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak ;
- (ii) Telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian ;
- (iii) Mendapat markah 85% dan lebih bagi penilaian prestasi tahunan.

Manakala kriteria tambahan yang ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia MPSP adalah seperti berikut:-

- (i) Calon tidak mempunyai sebarang rekod tindakan tatatertib
- (ii) Tiada rekod ketidakhadiran bertugas
- (iii) Kelewatan bertugas tanpa alasan yang munasabah tidak lebih dari tiga kali setahun
- (iv) Bagi calon yang pernah menerima APC, calon boleh dipertimbang untuk APC selepas 3 tahun

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2016 akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, hadiah prestasi sebanyak RM1000, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus dan seminar, peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat dan darjah kebesaran Persekutuan

atau Negeri serta nama dan gambar penerima akan dipamerkan di lokasi pejabat yang strategik.

Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang disasarkan oleh ketua jabatan dan pihak pengurusan. Saya berharap semua penerima anugerah ini akan terus komited dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti MPSP serta menyemarakkan lagi semangat semua warga MPSP untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh lagi bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik mengikut dasar kualiti MPSP iaitu mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Ini adalah bertepatan dengan moto MPSP ‘Kemampanan Adalah Komitmen Kami’ (*Sustainability is Our Commitment*)

YB, Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

Tahun 2017, MPSP akan berdepan dengan pelbagai cabaran seperti persekitaran ekonomi, sosial dan pembangunan yang semakin mencabar. Kita perlu merubah minda dan cara bekerja kearah kreatif,

inovatif, tegas, pantas dan berhemah supaya perkhidmatan MPSP dapat dirasai dan dinikmati oleh semua penduduk Seberang Perai.

MPSP telah menyediakan Fokus MPSP 2017, dimana 9 fokus telah dibentuk yang merupakan '*core business*' MPSP iaitu:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2017 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2016. Sebanyak 97 program dan 151 aktiviti dan 155 KPI telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Tonggak kecemerlangan sesebuah organisasi terletak kepada jentera pengurusannya yang berwawasan. Bagaimanapun tanpa pegawai dan kakitangan yang mengamalkan budaya kerja cemerlang akan mencacatkan usaha untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan

budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Oleh itu, MPSP sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dikalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan MPSP dapat ditingkatkan dari masa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian yang amat membanggakan.

Kakitangan MPSP perlu bertindak selangkah ke hadapan dan menjalankan tugas dengan semangat berpasukan (*No Silo Mentality*). Disamping itu kita juga hendaklah mengamalkan pengurusan berpandukan proses (*Process driven management*), dimana kakitangan atau pegawai dapat menjalankan tugas berdasarkan langkah-langkah yang ditetapkan (sop, pekeliling, dasar) tanpa bimbingan dan arahan pengurusan atasan. Oleh itu pentingnya kita memperkemaskan SOP sedia ada dan semua kakitangan hendaklah faham dan mengetahui tugas masing-masing.

Suka saya tekankan di sini petikan dari ucapan Ketua Menteri semasa Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama YAB Ketua Menteri Tahun 2016 pada 6 Februari 2017 berkenaan aspek yang perlu dititikberatkan dalam memastikan semua penjawat awam Negeri Pulau Pinang yang dilantik dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh berhemah dan berdisiplin. Semua

penjawat awam perlu memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah 3A (*Available, Accessible, Affordable*) agar tanggungjawab yang diberikan dapat disampaikan secara 3B (Bersih, Bijak, Berani) dalam usaha untuk mengatasi permasalahan utama negeri ini iaitu 3C (*Crime, Cleanliness, Congestion of Traffic*). Semua ini merangkumi kerja 3D (*Dirty, Difficult, Dangerous*) agar kita dapat menjadi Kerajaan Negeri berjiwa rakyat yang berasaskan 3E (*Enable, Empower, Enrich The People*) iaitu memperkasakan rakyat, memperkuasakan rakyat dan memperkayakan rakyat. Semua penjawat awam juga harus bersifat 3F (*First, Fast, Faithful*) agar kita dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan pantas dan sentiasa setia kepada Kerajaan Negeri dan rakyat dalam usaha untuk memastikan Negeri Pulau Pinang sentiasa 3G (*Green, Gender Sensitive, Generation-rated* agar menggunakan teknologi terkini).

Selain itu, bagi menghargai kakitangan awam, Kerajaan Negeri telah memutuskan bayaran insentif akan diberikan kepada kakitangan yang tidak mengambil Cuti Sakit Swasta melebihi 3 hari.

Di dalam ucapan YB Dato Seri SUK Pulau Pinang baru-baru ini ada menekankan tentang elemen SIKAP iaitu *Skill, Interest, Knowledge, Attitude and Procedure*. Sekiranya mahu berjaya, kita perlu melihat

contoh-contoh yang baik dan daripada mereka yang telah berjaya. Sebagai sebuah pasukan, kita semua perlu berjaya agar kita dapat menyaksikan kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Semasa Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Negara Bersama Datuk Bandar Dan Yang Di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2017 pada 9 Mac yang lalu, YB KSN memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri telah mengumumkan tahun 2017 sebagai “year of delivery”. Ini bermaksud, sebagai penjawat awam, kita mesti melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan inisiatif-inisiatif yang telah diputuskan Kerajaan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Kita perlu fokus menyampaikan perkhidmatan lebih jitu kepada rakyat.

YB, Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

Disamping memberikan anugerah untuk yang cemerlang, Majlis sangat menitikberatkan disiplin, integriti dan ketelusan melalui C.A.T. Majlis juga telah mengambil tindakan tatatertib kepada yang tidak berdisiplin. Pada tahun 2016, Majlis telah mengambil 9 tindakan tatatertib, 4 orang kakitangan dibuang kerja manakala 5 orang kakitangan dikenakan tindakan turun gaji. Tindakan yang diambil ini diharap dapat menjadi iktibar kepada kakitangan yang masih bermasalah. Saya juga berharap

mutu kerja kakitangan MPSP dapat ditingkatkan dan membantu MPSP mencapai pencapaian yang terbaik secara berterusan dan bertaraf antarabangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan pada pertemuan kita pada hari ini, untuk sekali lagi mengingatkan semua mengenai Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang yang mana akan dikuatkuasakan penguatkuasaanya pada 1 Jun 2017. Buat masa sekarang, MPSP telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada premis-premis yang didapati tidak mengasingkan sisa di punca. Sebanyak 9446 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan dari Ogos hingga 9 Disember 2016. Manakala untuk tahun ini sehingga 17 Mac 2017, sebanyak 5836 Notis Pemberitahuan telah dikeluarkan.

Saya ingin berkongsi disini jumlah beratan sampah dari seluruh Seberang Perai pada tahun 2016 ialah 434,008.51 tan. Manakala pada tahun 2015, beratan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah 440,460.40 tan. Terdapat penurunan sebanyak 6451.89 tan sampah yang masuk ke tapak pelupusan. Jika dilihat ke atas kajian yang telah dijalankan oleh Penang Institute bagi tempoh 2008 hingga 2015, beratan sampah perkapita sebanyak 1.6 kg (2008) telah menurun kepada 1.3kg bagi tahun 2015 . Diharap selepas Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Negeri Pulau Pinang dikuatkuasakan sepenuhnya, pada tahun-tahun

mendatang, beratan sampah perkapita akan semakin menurun. Ini sejajar dengan misi dalam menjadikan Seberang Perai, *Greener, Safer, Healthier and Happier*.

Kepada pesara-pesara, anda masih boleh lagi bergiat aktif dalam persatuan-persatuan dan boleh menjadi rakan kongsi MPSP dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti persatuan. Manakala bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, sekali lagi tahniah saya ucapkan. Semoga anugerah dan penghargaan ini akan menjadikan tuan-puan lebih bersemangat dalam mencerahkan khidmat bakti kepada Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini. Semoga kualiti dan kecemerlangan terus menjadi teras kepada budaya kerja kita. Bagi anggota yang belum terpilih, berusahalah dengan lebih gigih untuk memastikan tahun hadapan adalah giliran tuan/puan pula.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.